

# Usaha bentuk pekerja kelas pertama

Walaupun betapa hebat se-sebuah empayar, kerajaan, parti politik, pentadbiran atau personaliti individu yang menjadi pemimpin atau golongan biasa, ia tidak membawa apa-apa makna, malah sesuatu yang bahaya jika tiada perasaan rendah diri dan rasa sesal.

Itulah antara kesimpulan dibuat seorang ahli sejarah yang memerhati kehidupan penakluk Perancis yang terkenal. Baginya, penilaian terhadap legasi kuasa difokuskan bukan sahaja kepada berapa luas jajahan takluk, kegerunan musuh atau kepintaran mengatur strategi ketenteraan, tapi yang

paling diingati ialah ketulusan hati yang berkuasa dan berkhidmat untuk orang lain.

## Ketulusan pekerja awam, swasta

Ketulusan amat penting bagi pekerja dalam sektor kerajaan atau swasta.

Ia selari dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam *BH*, 'Utama ketelusan dalam pentadbiran' 17 Mei 2013, yang menekankan kepentingan ketelusan dalam melaksana tanggungjawab.

Bagi menteri yang baru dilantik sebagai anggota Kabinet, mereka disarankan oleh Perdana Menteri supaya ber-

khidmat dengan lebih pantas dan tegas agar rakyat mendapat perkhidmatan yang memuaskan daripada mereka.

Tidak ketinggalan juga kepada pekerja dalam setiap sektor, mereka perlu bersikap konsisten dan menunjukkan sikap profesional kepada majikan. Untuk menjadi pekerja cemerlang, mereka perlu menunjukkan sikap tulus ketika bekerja agar dapat menjadi contoh kepada pekerja lain.

## Pekerja kelas pertama

Selain itu, ketelusan diibaratkan cermin yang menyinari setiap pekerjaan dilakukan. Tambahan, ia dapat melahir-

kan pekerja kelas pertama. Pekerja kelas pertama memiliki pemikiran, emosi, perlakuan, sikap dan spiritual yang terpuji.

Sesebuah organisasi yang mempunyai sistem dan peralatan canggih belum pasti boleh menghasilkan kerja kelas pertama kerana faktor individu memainkan peranan penting dalam menentukan sesuatu sistem atau pekerjaan adalah optimum.

Oleh itu, kerja kelas pertama berdasarkan kualiti dan kecemerlangan perkhidmatan yang kita sumbangkan kepada sesebuah industri atau syarikat.

**Nor Zella Mohd Baharudin**  
Universiti Sains Islam  
Malaysia, Nilai